

Ruj. Kami:SPS/KKMM/FRM/20170717/1

17 Julai 2017

yB Dato',

Saya menghargai

YB DATO' SRI JAILANI JOHARI

Timbalan Menteri

Pejabat YB Timbalan Menteri, Aras 36,

Lot 4G9, Kementerian Komunikasi & Multi Media Malaysia (KKMM),

No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 Putrajaya, Malaysia



18/7
DATO' JAILANI JOHARI
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERMOHONAN MELAKSANAKAN PROGRAM PEMERKASAAN KANDUNGAN –"PI1M COMMUNITY CONTENT ENHANCEMENT PROGRAM BY ACCOUNTING SOLUTIONS" UNTUK PUSAT INTERNET SATU MALAYSIA (PI1M)

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman YB Dato', kami, FR Mutiara (M) Sdn. Bhd. (FR Mutiara) bersama rakan strategik kami, SALIHIN Business Management Sdn. Bhd. (SALIHIN) amat berbesar hati dan berhasrat untuk melaksanakan program pemerkasaan kandungan "PI1M Community Content Enhancement Program by Accounting Solutions" untuk Pusat Internet Satu Malaysia (PI1M).

1. Kami, FR Mutiara dan SALIHIN adalah syarikat perunding perniagaan dan teknologi maklumat (IT) milik penuh Bumiputera, mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun di dalam penyelesaian teknologi maklumat dan perundingan perkhidmatan professional. Rakan teknologi kami juga merupakan pengeluar perisian intergrasi perakaunan, GST, Zakat dan Wakaf "SALIHIN PREMIER SOLUTIONS" (SPS) yang telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai perisian patuh GST.

2. Disini juga, saya ingin menarik perhatian YB Dato' kepada kronologi perbincangan kami bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan juga Pejabat Timbalan Menteri KKMM berkenaan dengan Kertas Cadangan Program Pemerkasaan Kandungan – PI1M Community Content Enhancement program By Accounting Solutions ini. Disertakan bersama adalah kronologi komunikasi diantara kami dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Pejabat YB Timbalan Menteri KKMM. Senarai butiran adalah seperti berikut.

- i. 08hb Jun 2016 – Mesyuarat dan pembentangan kertas kerja bersama YB Timbalan Menteri KKMM di aras 36, Pejabat Timbalan Menteri, Kompleks KKMM, Putrajaya.
- ii. 16hb Ogos 2016 – Mesyuarat dan pembentangan kertas kerja kepada YB Timbalan Menteri KKMM dan wakil SKMM di aras 36, Pejabat Timbalan Menteri, Kompleks KKMM, Putrajaya.
- iii. 27hb Oktober 2016- Mesyuarat, pembentangan dan penyerahan kertas cadangan kepada YB Timbalan Menteri KKMM dan Ketua Pegawai Sektor Komunikasi, Perkhidmatan Digital dan Standard SKMM di aras 6, Pejabat Timbalan Menteri, Radio televisyen Malaysia, Angkasapuri.
- iv. 01hb Disember 2016- Pembentangan dan mesyuarat pelan pelaksanaan Proof of Concept (POC) bersama Ketua Bahagian Infrastruktur SKMM di ibu pejabat SKMM, Cyberjaya.
- v. 11hb Januari 2017- Mesyuarat lanjutan pelan pelaksanaan Proof of Concept (POC) bersama Ketua Bahagian Infrastuktur SKMM serta Ketua Jabatan Komuniti Pintar SKMM di ibu pejabat SKMM, Cyberjaya.
- vi. 23hb Januari 2017- Mesyuarat pelan pelaksanaan Projek Pilot bersama YB Timbalan Menteri, Ketua Pegawai Sektor Komunikasi, Perkhidmatan Digital dan Standard SKMM, Ketua Jabatan Komuniti Digital & Koordinasi Program SKMM beserta pegawai SKMM dan KKMM di aras 36, Pejabat Timbalan Menteri, Kompleks KKMM, Putrajaya.
- vii. 17hb Februari 2017- Mesyuarat lanjutan pelan pelaksanaan Projek Pilot bersama Ketua Jabatan Komuniti Digital & Koordinasi Program SKMM beserta pegawai SKMM dan KKMM di ibu pejabat SKMM, Cyberjaya.
- viii. 23hb Februari 2017- Penyerahan Kertas Cadangan Projek Pilot kepada Ketua Jabatan Komuniti Digital & Koordinasi Program SKMM di ibu pejabat SKMM, Cyberjaya.
- ix. 31hb March 2017- Penerimaan jawapan bersurat SKMM berkenaan dengan Program Pemerkasaan kandungan – PI1M Community Content Enhancement Program by Accounting Solutions.

Berikut adalah ringkasan cadangan kami:-

Bil.	Perkara	
1.	Tajuk Cadangan	Pemeriksaan kandungan PI1M- <i>PI1M Community Content Enhancement program by Accounting Solutions</i> melalui Program Pengenalan Perisian Perakaunan, Latihan dan Persijilan kepada komuniti Luar Bandar melalui Pusat Internet Satu Malaysia (PI1M)
2.	Pakej Cadangan	i. Perisian SPS (Perakaunan, GST, Zakat & Wakaf) ii. Perisian Berasaskan Awan SPSLite Cash Book iii. Perisian Berasaskan Awan SPSLite Web Usahawan iv. Set Modul Latihan & Persijilan v. Bimbingan dan sokongan teknikal berkaitan perisian
3.	Objektif Cadangan	i. Meningkatkan kemahiran dalam tadbir urus kewangan perniagaan dan percukaian. ii. Meningkatkan pematuhan undang-undang berkaitan perniagaan, percukaian dan undang-undang lain yang berkaitan. iii. Meningkatkan tanda aras kemahiran serta nilai kebolehpasaran warga luar bandar dalam menggunakan perisian perakaunan SPS dan SPSLite. iv. Mewujudkan 1,200 "Juruteknik Akaun PI1M" yang boleh mengendalikan akaun usahawan serta pertubuhan perniagaan di luar bandar. v. Memupuk penerapan muamalat Shariah di kalangan usahawan Muslim Bumiputera melalui pembayaran Zakat dan Waqaf secara teratur dan efisien. vi. Mewujudkan hubungan erat di antara PI1M dan komuniti usahawan luar bandar yang bernaung dibawah PI1M.
4.	Sasaran Pusat PI1M	600 PI1M
5.	Tempoh pelaksanaan	5 tahun
6.	Sasaran Latihan	1,600 Latihan sepanjang tempoh pelaksanaan
7.	Sasaran Peserta	32,000 peserta

3. Untuk makluman YB Dato', SKMM menyokong dan mengalu-alukan program ini dilaksanakan di Pusat Internet Satu Malaysia (PI1M), yang menjadi halangan adalah kekangan peruntukan daripada bajet sedia ada SKMM. Besar harapan kami jika YB Dato' dapat menyokong kelulusan dan peruntukan khas bagi pelaksanaan program ini untuk dilaksanakan di 600 buah Pusat Internet Satu Malaysia (PI1M) di seluruh negara.

3. Dengan kekuatan tenaga pelatih, ahli professional dan pasukan sokongan teknologi maklumat serta teknikal seramai 150 orang, kami yakin program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memberi nilai impak yang besar kepada komuniti luar bandar. Dilampirkan bersama-sama surat ini, profail korporat lengkap FR Mutiara, SALIHIN, Kertas kerja, Cadangan Pelaksanaan dan dokumen-dokumen sokongan untuk rujukan dan penelitian YB Dato'.

Sokongan dan persetujuan dari YB Dato' amatlah kami hargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian, wassalam.

Yang Benar,



Azriman Bin ABdullah

Pengarah Urusan

S.K

Salihin Bin Abang

Pengarah Urusan

Salihin Business Management Sdn. Bhd.